

DARUL ULUM

MALAYSIA

NO. KELUARAN : 01/01/10/2020 | RABI'UL AWWAL 1442 | OKTOBER 2020

Sambutan
Maulidur Rasul
Jangan hanya melihat "Tajuk"

Onani tanpa mandi wajib selama 4 tahun.
Bagaimana dengan solatnya?

بین البطاۃ والبطوۃ

Artikel Bahasa Arab

ARTIKEL Bahasa Inggeris

Answer to A Butcher of Deoband

Rencana Khas

Darul Ulum Deoband
Institusi Pengajian Agama yang Berasaskan Taqwa dan Mujahadah



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com



PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

PRAKATA e-MAJALAH 01

Alhamdulillah syukur kepada Allah ﷺ kerana dengan limpahan rahmat dan kasih sayangNya usaha untuk menerbitkan e-Majalah Darul Ulum Malaysia berjaya dihasilkan. Usaha kecil yang cuba kami lakukan ini tidak mungkin akan berjaya tanpa berkat doa para ulama dan umat Islam secara umumnya.

Memandangkan usaha kami ini amat kerdil jika dibandingkan dengan susah payah para ulama di dalam agama, maka dengan segala kerendahan hati kami ingin memohon kemaafan atas sebarang kelembahan yang ada. Dan diharapkan agar para ulama dan umat Islam secara umumnya dapat terus memberi nasihat dan mendoakan agar usaha kami dapat diperbaiki dan diteruskan.

SIDANG REDAKSI

Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

Ketua Pengarang

Ustaz Huzaifah Bin Jamaluddin

Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir
Mohd Khairi Bin Tajudin

PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM
(PPM-021-14-19082020)
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.
Laman web : <http://darululum.my>
Emel : dumalaysia@gmail.com
Tel : +6010 320 1200

SLOGAN

Kejayaan Dalam Agama

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ , meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ , dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ .

HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

ISI KANDUNGAN

Rencana
KHAS

01

Darul Ulum Deoband
Institusi Pengajian Agama yang Berasaskan
Taqwa dan Mujahadah

Ulum
HADIS

05

Gejala Kejumudan Hadis

Darul Ulum
DI MALAYSIA

07

Madrasatul Quran
Kubang Bujuk (MQKB)

Aimma
MUJTAHIDIN

13

Imam Bukhari ﷺ
Beliau diciptakan untuk Hadis

Isu Semasa
PILIHAN

15

Sambutan Maulidur Rasul
Jangan hanya melihat "Tajuk"

Soal Jawab
AGAMA

19

Onani selama 4 tahun tanpa mandi wajib.
Bagaimana dengan solatnya?

Artikel
BAHASA ARAB

21


بین البطالة والبطولة

Artikel
BAHASA INGGERIS

23

Answer to A Butcher of Deoband


Kitab Bada'i uz-Zuhur - Amalan-Amalan Mustajab



[Klik di sini untuk mendapatkannya](#)

- Karangan Syaikh Ahmad al-Fathoni, guru kepada Syaikh Tok Kenali.
- Penuh dengan mutiara dan keajaiban amal dan rahsia pertolongan Ilahi.
- Sesuai dijadikan kitab muzakarah.
- Amalan perkongsian dengan pelajar.
- Keberkatan yang Allah bagi pada kitab dan pengarangnya.
- Amalan-amalan mustajab ulama warisan ulama Mekah kita.
- Amalan warisan amalan turun temurun yang nusantara.
- Wirid-wirid solat yang diamalkan diseluruh nusantara.
- Pegangan para imam dan penanggungjawab masjid.
- Satu khazanah yang perlu disimpan oleh kita dan anak cucu kita buat bekalan di akhirat.

Kitab Adab Pelajar - Disertakan bersama sifat-sifat Ulama Akhirat



[Klik di sini untuk mendapatkannya](#)

Kitab Adab Pelajar ini adalah Nasihat-Nasihat Maulana Asyraf Ali Thanwi Rahmatullahi 'alaifi yang berkait rapat dengan adab kehidupan pelajar pada masa kini. Kitab ini sangat sesuai dimiliki oleh setiap pelajar, sama ada dari jurusan agama ataupun dari jurusan lain. Banyak topik-topik yang sangat menarik dibahaskan di dalam kitab ini diantaranya:-

- Kepentingan Hak-Hak Guru Dan Pelajar
- Hormat Dalam Percakapan
- Bagaimana Mendapat Berkat Dalam Ilmu
- Guru Bukan Islam Juga Terhormat
- Perbezaan Pendapat Diantara Guru-Guru Dan Orang Lama
- Tidak Memuliakan Ustaz Menyebabkan Ternafinya Ilmu
- Adab-Adab Di Hadapan Ustaz
- Adab Dalam Majlis Dan Kelas
- Jika Ustaz Melakukan Kesilapan
- Hormat Terhadap Perantaraan Ilmu Seperti Kertas, Pen, Dakwat Dan Sebagainya.
- Kepentingan Mutala'ah
- Sebab-Sebab Ingatan Kita semakin Lemah
- Sifat-Sifat Ulama' Akhirat



DARUL ULUM DEOBAND

INSTITUSI PENGAJIAN AGAMA YANG BERASASKAN
TAQWA DAN MUJAHADAH

Fuad Akmal bin Mohamad Zahir

Darul Ulum Advisory (DUA)

Sejarah penubuhan.

Institusi pengajian terulung di benua Hindustan yang juga dikenali sebagai Al-Azhar Hind iaitu Darul Ulum Deoband telah diasaskan pada tanggal 30 Mei 1866.

Sejarah penubuhan institusi pengajian ini adalah berasaskan kepada manifestasi umat Islam ketika itu.

Iaitu selepas terjadinya satu revolusi umat Islam di India yang telah bangun menentang penjajah British sehingga tercetusnya pertempuran di medan Shamli

pada tahun 1857.

Tunjang utama di sebalik penentangan berbentuk jihad ini ialah Qutbul Arifin Haji Imdadullah Muhammadi Makki ﷺ.

Turut berada disamping beliau ialah dua orang murid yang juga merupakan khalifah beliau iaitu Hujjatul Islam Maulana Muhammad Qasim Nanotwi ﷺ dan Faqihun Nafs Maulana Rashid Ahmad Ganggoohi ﷺ.

Manakala seorang lagi yang turut serta dalam misi jihad ini ialah al-Hafiz Damim Thanwi ﷺ.

Menjadi buruan British.

Setelah tercetusnya pertempuran di medan Shamlini, pasukan umat Islam di bawah pimpinan Haji Imdadullah رض telah mengalami kekalahan.

Pertempuran ini turut mengorbankan seramai 113 umat Islam termasuklah al-Hafiz Damim Thanwi رض sendiri.

Selepas kekalahan tersebut, Haji Imdadullah رض telah bersembunyi daripada buruan penjajah British dan secara rahsia telah berhijrah ke Makkah dan terus menetap di sana.

Qutbul Arifin Haji Imdadullah

**SYAIKHUL ARAB WAL-'AJAM,
PENGASAS DARUL ULUM DEOBAND**

Maulana Qasim Nanotwi رض telah berjaya melarikan diri dari buruan dan telah bersembunyi secara rahsia. Manakala Maulana Rashid Ganggohi رض telah ditangkap dan dipenjarakan oleh penjajah British.

Mengatur strategi.

Sejurus selepas kekalahan dalam pertempuran tersebut, Haji Imdadullah رض dan sahabatnya telah mengundurkan diri daripada aktiviti politik.

Para masyaikh ini merasakan bahawa perlu ada satu kekuatan baru yang boleh mempertahankan umat Islam dari serangan politik penjajah British yang didapat menggunakan ejennya untuk menyebarkan dakyah mereka.

Ejen penjajah British ini cuba meracuni pemikiran umat Islam tempatan pada ketika itu dengan mempraktikkan budaya Barat yang jelas

bertentangan dengan nilai-nilai murni yang diajar oleh agama Islam.

Serangan pemikiran penjajah British dilihat lebih berbahaya kepada umat Islam.

Lalu keputusan yang dicapai oleh para masyaikh ini ialah dengan menukar strategi penentangan mereka kepada proses pembentukan jati diri umat Islam dengan usaha dan pendekatan ilmu agama melalui penubuhan institusi pengajian yang lebih sistematik.

Antara individu yang memainkan peranan penting dalam pengasasan institusi ini ialah Maulana Qasim Nanotwi رض, Maulana Dzul Fiqr 'Ali رض, Maulana Rafi'uddin رض, Maulana Fadlul Rahman Uthmani رض, Haji Muhammad 'Abid رض dan Maulana Ya'qub Nanotwi رض.

Mereka telah mengasaskan Darul Ulum ini di sebuah bandar bernama Deoband, di dalam daerah Saharanpur.

Selepas mengasaskan Darul Ulum Deoband, kesemua mereka telah dilantik menjadi ahli Majlis Syura, Darul Ulum Deoband.

Selepas berjaya mengasaskan Darul Ulum Deoband, Maulana Qasim Nanotwi رض telah berjaya mencetus semangat kepada penubuhan institusi-institusi pengajian lain.

Contohnya ialah seperti Mazahirul Ulum di Saharanpur yang diasaskan oleh Maulana Sa'adat 'Ali Saharanfuri رض, iaitu enam bulan selepas penubuhan institusi pengajian Darul Ulum Deoband.

Peringkat awal.

Bagi Darul Ulum Deoband, institusi pengajian ini bermula dengan penuh kesederhanaan dan serba kekurangan.

Pengajian dibuat di sebuah masjid kecil lama yang dipanggil Masjid Chattah, di bawah sepohon pokok dengan kehadiran seorang murid dan seorang ustaz.

Hari demi hari, semakin ramai yang mendaftarkan diri untuk memasuki pengajian di sini. Sehingga ruang di Masjid Chattah tidak lagi mampu menampung kehadiran para pelajar ini.

Batu Asas

TELAH DILETAKKAN PADA TAHUN 1876

Kemudian institusi ini berpindah ke Masjid Qadi dan seterusnya berpindah ke Masjid Jami'.

Namun demikian keadaan Masjid Jami' juga tidak berapa sesuai. Seterusnya usaha pembelian tanah dimulakan.

Akhirnya pada tahun 1875, satu kawasan tanah berdekatan dengan kawasan Masjid Chotta telah berjaya dibeli.

Pengorbanan.

Batu asas pembinaan telah diletakan pada tahun 1876. Bangunan pertama yang telah dibina itu kemudiannya dikenali sebagai Nawdarah.

Yang menariknya di sini ialah asas pembinaan Darul Ulum ini adalah berdasarkan pengorbanan. Iaitu pengorbanan dariada pihak gurunya, para pelajarnya serta masyarakat setempat.

Hidup dan berdiri megahnya Darul Ulum Deoband ini adalah kerana doa dan sumbangan daripada umat Islam setempat. Darul Ulum Deoband ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak, melainkan sumbangan daripada umat Islam setempat.

Darul Ulum Deoband telah berkembang dengan pesatnya menjadi sebuah institusi pengajian terulung di benua Hindustan sehinggakan para pelajar dari seluruh dunia telah datang untuk menghirup ilmu Ilahi yang

diajarkan di sini.

Berkat usaha keras dan pengorbanan para pengasasnya, maka Allah ﷺ telah melahirkan daripada institusi pengajian terulung ini para Mufassir, Fuqaha serta Muhadisin yang telah banyak memberi sumbangan kepada dunia Islam amnya dan umat Islam di benua Hindustan khususnya.

Benteng Akidah.

Darul Ulum Deoband juga telah menjadi benteng kepada umat Islam di benua Hindustan untuk mempertahankan akidah mereka setelah hampir dirosakkan oleh penjajah British melalui dasar Imperialisme mereka.

Darul Ulum Deoband juga telah menjadi saksi jerit perih para ulama dalam memperjuangkan kemerdekaan bagi negara India sehingga banyak para ulama ini telah ditangkap, disekska dan dibunuhi demi untuk memastikan tiada ancaman kepada kekuasaan British.

Pencapaian.

Institusi pengajian ini telah mengalami perubahan besar sejak diasaskan.

Ia telah berjaya melahirkan sejumlah ulama yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu agama terutamanya ilmu hadis.

Mereka mengikuti contoh daripada para masyaikh terdahulu



dalam meriwayat, mengajar dan mengembangkan agama.

Sejarah perkembangan pengajian Islam di benua Hindustan tidak dapat dipisahkan dengan peranan dan pengaruh institusi pengajian tersohor ini.

Institusi ini telah melahirkan ramai tokoh-tokoh ternama dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Ilmu hadis merupakan salah satu bidang yang begitu mendapat perhatian di institusi ini.



Tapak asal masjid Chhattah yang menjadi asas kepada Darul Ulum Deoband

Justeru tidak hairanlah apabila institusi ini telah berjaya melahirkan ratusan ulama tersohor yang bertaraf Muhaddisin dalam bidang ini.

Kepakaran dan kewibawaan mereka bukan sahaja diiktiraf di tempat mereka sahaja tetapi juga di dunia Islam.

Nama-nama seperti Maulana Qasim Nanotwi ﷺ, Maulana Rashid Ahmad Ganggozi ﷺ, Syaikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan Deobandi ﷺ, Maulana Anwar Kashmiri ﷺ, Maulana Husain Madani ﷺ dan ramai lagi telah memainkan peranan penting dalam sumbangan ilmu hadis pada masa kini.

Limpahan tradisi keilmuan Darul Ulum Deoband ini telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia sehingga telah wujud cawangan-cawangan Darul Ulum Deoband di seluruh dunia.

Pusat pengajian yang telah didirikan oleh para ulama lepasan dari Darul Ulum Deoband ini telah menjadi entiti terbesar di benua Hindustan dan di dunia dalam menjaga dan mengembangkan agama Islam hingga ke seluruh dunia. Semoga Allah ﷺ merahmati para masyaikh ini.

GEJALA KEJUMUDAN HADIS

Oleh : Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam
Pensyarah, Miftahul Ulum Seri Petaling (MUSP)

Gejala kejumudan dengan kaedah-kaedah mustolah hadis lalu menghukum mengikut “buku” adalah sesuatu penyakit akademik yang melanda para pelajar mustolah yang ilmunya adalah hanya “hafalan kaku” dan “pembacaan sendiri”.

Dengan hanya berpandukan kitab rijal yang ringan dibawa atau capaian internet di hujung jari dengan membuat rondaan di laman sesawang atau Maktabah Syamilah maka dia berdiri di atas pentas ‘mentashih’, ‘mendhoifkan’ dan ‘memawdu’kan’ hadis.

Sebagai catatan, ‘mendhoifkan’ dan ‘memawdu’kan’ adalah makanan ringan kegemarannya.

ILMU JARH WA TA'DIL

Ilmu Jarh dan Ta'dil adalah suatu sina'ah (bidang dan kemahiran) yang berpaksikan pengalaman dan kajian berterusan bersama muzakarah dan perbincangan dengan pakar sebenar yang menghasilkan ‘zauq fanni’. Ia bukan hanya hafalan kaku dan telaah ringan.

Sheikh Waliyullah ad-Dehlawi ﷺ ada mengingatkan tentang kejumudan para ahli hadis ini di dalam kitabnya “al-Insof fi bayan asbab al-ikhtilaf” beliau berkata,

“Tidak sepatutnya ahlu hadis menghalusi secara berlebih-lebihan kaedah-kaedah (mustolah hadis) yang digubal oleh ulama hadis yang tiada sebarang nas syarak padanya.”

Lalu dengan kaedah tersebut mereka menolak hadis sahib atau qias sahib. Contohnya kerana ada sedikit unsur ‘irsal’ dan ‘inqito’ (keguguran perawi) ditolak sesebuah hadis.

Seperti perbuatan Ibnu Hazam ؓ menolak hadis pengharaman alatan muzik dengan alasan ada terputus sanad dalam riwayat Bukhari sedangkan ia adalah hadis yang sahib dan muttasil.

Kaedah ini hanya terpakai apabila berlaku percanggahan sahaja”.

TASALSUL AMAL

Setengah mereka lupa bahawa penerimaan sesebuah hadis bukan hanya berputar di atas paksi sanad semata-mata tetapi di sana ada unsur ‘qarain’ (petunjuk-petunjuk luar) yang menambat hati ulama mujtahid dalam menerima sesebuah hadis.

Tasalsul amal (sesuatu amal yang telah diamalkan dan diakui oleh ulama sepanjang zaman tanpa ada ingkar) adalah petunjuk hidup atas sabitnya sesuatu masalah.

Kejumudan atas kaedah mustolah menyebabkan sebahagian pelajar mustolah menolak sesebuah hadis walaupun ‘saksi amal sepanjang zaman’ terbentang di hadapan mata.

Ibnu Qayyim رحمه الله dalam kitab ar-Ruh berhujah dengan hadis talkin, walaupun sanadnya zahir dhoif dengan hujah bahawa talkin adalah amalan yang telah dilakukan oleh ulama turun temurun. Ia adalah yang disebut “talaqqi annas bil qabul”.

Maulana Anwar Syah al-Kasymiri رحمه الله mengungkapkan perkara ini dengan katanya

الواقع عندي اولى من المشي على القواعد

“Bagi saya mengambil kira realiti pengamalan lebih baik dari hanya meniti di atas kaedah-kaedah”

Anak murid beliau mentafsirkan perkataan gurunya,

“Maksud Maulana Anwar رحمه الله ialah apabila sesebuah hadis itu sah melalui qarinah dan nampak ulama mengamalkannya maka perbuatan menolak hadis itu dengan alasan seorang rawi dhoif adalah sesuatu yang tidak betul”

TUJUAN MUSTOLAH

Ilmu mustolah hadis digubal supaya anasir luar yang bukan dari agama tidak menyusup ke dalam agama. Bukannya supaya perkara yang berada dalam agama dikeluarkan daripada agama.

Berpijak kepada kefahaman inilah kewarasan dalam menggunakan kaedah mustolah hadis dapat dipraktikkan.

Para ulama salaf menggunakan benteng sanad untuk menjaga agama daripada anasir luar.

Adapun perkara-perkara yang mempunyai saksi dan dalil melalui qawaид umum dalam agama atau kandungannya bukanlah sesuatu yang diingkari dalam syariat Islam. Maka sanad tidak boleh dijadikan perantaraan untuk menolaknya.

Diulang sekali lagi sanad tidak boleh dijadikan perantaraan dan senjata untuk menolak fakta yang diriwayatkan.

Inilah dasar sebenar satu syarat yang telah disepakati dalam bab syarat-syarat beramal dengan hadis dhoif tanpa kurang atau lebih iaitu

ان يكون مندرجًا تحت اصل معمول به في الشريعة

"terkandung di bawah perkara yang mempunyai asal yang diamalkan dalam syariat".

Inilah juga sebab para ulama besar dari kalangan mutaqaddimin dan mutaakhirin menghukum sahibh sesebuah hadis apabila ia telah sampai tahap "talaqqi annas bil qabul".

JUMUD DENGAN KAEADAH

Mereka yang jumud dengan kaedah, sibuk berperang dengan Imam Syafie ﷺ kerana beliau mengambil hadis dari perawi doif.

Kalaular orang ini memberi ruang kepada akalnya untuk berfikir dan bukan menjadi seperti robot yang diprogramkan, sudah tentu dia memahami perbezaan antara orang yang berjumpa sendiri dengan perawi itu dan orang yang mengenal perawi berdasarkan catatan dalam buku. (Imam Syafie ﷺ berjumpa sendiri dengan perawi hadis).

Kata Muhyiddin Ahmad bin Siddiq al-Ghumari ﷺ, "Ibnu Hajar ﷺ dan Hafiz Iraqi ﷺ gurunya, mereka berdua tasabul dalam memberi hukum kepada hadis. Mereka hampir-hampir tidak akan menyebut secara sarih sesuatu hadis itu mauduk melainkan apabila jelas maudu'nya hadis itu seperti jelasnya matahari pada waktu terik siang."

Imam Ahmad bin Hanbal ﷺ berkata, "Apabila kami meriwayatkan dalam perkara halal dan haram kami akan bersifat keras dan apabila kami meriwayatkan hadis dalam perkara fadhilat-fadhilat kami berlebih kurang bermudah-mudah)." .

"Ulama hadis telah membuka bab 'syawahid' untuk mensabitkan hadis dan memperkuatkannya walaupun syahid dan masyhud kedua-duanya dhoif. Aku membicarakan bab 'syawahid secara khusus' kerana ia berkaitan dengan makna matan dan aku ingin menegaskan para ulama begitu mengambil berat soal matan hadis dan maknanya. Maka apabila datang suatu fakta di dalam hadis doif dan ia disaksikan oleh hadis doif yang lain maka kamu akan melihat para ulama mensabitkan hadis tersebut dan bersandar kepadanya. Ini adalah perkara yang tidak diingkari jika dilihat daripada realiti amalan masyarakat dalam sektor-sektor kehidupan mereka dan manusia yang berakal yang tidak ada penyakit di dalam hatinya menerima kesimpulan ini yang terkadang tidak menyenangkan mereka yang terbendung dirinya kepada tulisan-tulisan sanad. Aku mengharapkan mereka mengambil masa (berfikir) walau untuk seketika." (Dirasat al-Kasyif Muhammad Awwamah ﷺ.)



Bukhara, tempat lahir Imam Bukhari

Imam Daraqutni ﷺ mengkritik Imam Bukhari ﷺ dalam perbuatan Imam Bukhari ﷺ menghukumi sebahagian riwayat sebagai sahib sedangkan bagi Imam Daraqutni ﷺ riwayat tersebut adalah doif.

Punca kritikan itu ialah Imam Daraqutni ﷺ meniti di atas kaedah-kaedah yang telah digubal di sisi ulama lalu beliau menentang Imam Bukhari ﷺ dengan kaedah tersebut sedangkan martabat Imam Bukhari ﷺ lebih tinggi dari itu.

Beliau (Imam Bukhari ﷺ) berjalan mengikut ijtihadnya dan memerhatikan penghususan tertentu dan menggunakan saksi gerak hati.

Hanyasanya perbuatan terikat dengan kaedah adalah untuk mereka yang tidak mahir" (Faidh al-Bari Maulana Anwar Shah al-Kasymiri ﷺ.)

Madrasatul Quran Kubang Bujuk (MQKB)



عن علي بن أبي طالب قال: قال رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم "من قرأ القرآن واستحضره فأجل حلاه وحرامه، أدخله الله به الجنة، وشققه في عشرة من أهل بيته كلهم وجبت له النار".

Maksudnya: Sayyidina Ali berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa membaca al-Quran lalu menghafalkannya dan menghalalkan apa-apa yang halal dalamnya dan mengharamkan apa-apa yang haram dalamnya akan dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah ﷺ dan Allah ﷺ akan menerima syafaatnya yang diberi kepada sepuluh orang daripada ahli rumahnya yang kesemua mereka telah wajib memasuki neraka." (Hadis riwayat Imam al-Tirmizi, Imam Ahmad.)

Berbekalkan semangat ini seorang dermawan yang bernama Allahyarham Haji Muda bin Haji Deraman telah memulakan langkah dengan membina sebuah madrasah tafsir Al-Quran pada akhir tahun 1982.

Dengan semangat untuk menjadikan anaknya hafiz Al-Quran, beliau bercadang untuk menghantar anaknya belajar di India, memandangkan sekitar tahun 80an masih tiada lagi institusi madrasah yang khusus untuk pengajian tafsir Al-Quran di Malaysia.

Namun demikian, ulama di

sana pula menasihati beliau supaya menghidupkan pengajian tafsir itu di Malaysia kerana beliau adalah seorang yang berkemampuan.

Ini juga akan membuka peluang kepada anak-anak Islam dari seluruh Malaysia khasnya dan Asia Tenggara amnya untuk belajar bersama-sama anaknya.

Beliau telah menyambut baik nasihat itu dan telah memulakan pembinaannya selama enam bulan sehingga ianya dibuka secara rasmi pada bulan November 1982.

Madrasah ini kemudiannya didaftarkan sebagai "Kelas Al-Quran dan Fardu Ain di Pejabat Agama Negeri Terengganu pada tahun 1983.

Maksud Penubuhan

Allahyarham Haji Muda, pengasas madrasah ini berkata, "Sekolah ini ditubuhkan semata-mata sebagai sekolah untuk membina kehidupan akhirat. Tiada pelajaran sekular dan tiada fahaman politik dibenarkan di sini. Pengajian di sini adalah pengajian ilmu agama sepenuhnya".

Maksud pengajian di sini



adalah untuk melahirkan para da'ie yang Hafiz Al-Quran, Alimus Sunnah dan bertaqwa di sisi Allah.

Para Pelajar

Pada peringkat awal penubuhannya hingga ke hari ini, jumlah pelajar dihadkan kepada 420 orang sahaja dalam satu masa. Ini disebabkan kesemua pelajar tinggal di asrama dan bangunan untuk asrama penempatan pula adalah sangat terhad.

Pelajar-pelajar bukan sahaja datang dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, bahkan dari negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Filipina dan sebagainya.

Jumlah pelajar luar negara pula dihadkan kepada beberapa kategori yang tidak melebihi 80 orang dalam satu-satu masa.

Para pelajar akan belajar sepenuh masa dengan jadual harian yang ketat.

Selain dari waktu kelas, dua orang warden akan bertugas menjaga mereka semasa di asrama.

Warden akan memastikan supaya mereka sentiasa mematuhi peraturan madrasah dan menjaga waktu untuk sebarang program yang telah ditetapkan.

Pelajaran yang paling dititikberatkan di sini ialah pendidikan secara Islah Wa Tarbiah. Untuk maksud itu, solat lima waktu berjemaah adalah diwajibkan di masjid manakala amalan-amalan sunat seperti solat Tahajjud, solat Duha, puasa pada setiap hari Isnin dan Khamis, dan



sebagainya adalah amat digalakkan sama ada secara teori maupun amali.

Pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan dan anak-anak yatim adalah intipati kepada madrasah ini.

Pelajar yang benar-benar miskin akan dikecualikan dari sebarang bayaran sehingga tamat pengajian. Jumlah pelajar miskin ini adalah satu pertiga daripada jumlah keseluruhan pelajar.

Jumlah pelajar anak yatim pula tidak kurang dari empat puluh orang dalam setiap masa. Kehadiran pelajar seperti ini banyak membantu madrasah dari segi keberkatan dan pertolongan daripada Allah ﷺ.

Pelajar yang belajar disini adalah berumur diantara 12 tahun hingga 18 tahun di dalam bidang Pengajian Tahfiz dan berumur 15 tahun hingga 25 tahun di dalam bidang Pengajian Ulum Diniyyah (Pengajian Alim).

Dalam beberapa keadaan, pelajar akan diasingkan mengikut umur dan saiz tubuh badan, pelajar besar, pelajar sedang besar dan pelajar kecil.

Tempat dan keadaan itu adalah seperti di asrama, tandas dan di dalam program-program khas.

Aktiviti Luar Kelas

MQKB menetapkan waktu luar kelas iaitu setiap hari selepas solat Asar, waktu petang hari Khamis dan sepanjang hari Jumaat.

Pada waktu ini para pelajar akan melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Riadah yang dibenarkan ialah jogging, bola tampar, bola takraw, bola raga bulatan, bola sepak, pingpong, bola keranjang dan badminton.

Selain riadah, pelajar juga melakukan aktiviti sihat seperti bercucuk tanam, khidmat mengangkut sampah, membantu kerja-kerja para ustaz dan



sebagainya.

Dalam masa yang sama, pelajar juga adalah digalakkan agar dapat mempelajari pelajaran tambahan seperti belajar khat, belajar qiraat dan belajar tulisan jawi.

Pelajar juga boleh menelaah pelajaran atau melakukan khidmat diri seperti berehat, membasuh pakaian, minum petang dan sebagainya pada waktu itu.

Pelajar yang berumur 16 tahun dan ke atas adalah digalakkan supaya aktif dalam program dakwah dan tabligh.

Setiap kelas akan mengadakan mesyuarat harian selama

10 hingga 15 minit sesama mereka mengenai program dakwah.

Pada setiap hari Sabtu, kesemua pelajar dan kakitangan akan bersama-sama di dalam program ziarah dan muzakarah di kawasan sekeliling madrasah.

Pada setiap hari Khamis, bermula jam 6.00 petang hingga 9.00 pagi hari Jumaat, pengajian umum diadakan di masjid madrasah.

Pelajar-pelajar juga diwajibkan menyertai program tersebut bersama orang awam yang hadir.

Untuk latihan mengamalkan apa yang pelajar telah dapat dalam pengajiannya maka pelajar dewasa digalakkan untuk keluar berdakwah berkumpulan selama 24 jam, sebulan sekali di masjid dan surau yang berdekatan, iaitu sekitar 10km dari madrasah.

Semasa cuti madrasah pada bulan Syaaban dan Ramadan, sebahagian pelajar akan menjadi imam tarawih dan





sebahagian pula akan keluar berdakwah manakala bakinya yang terdiri daripada pelajar kecil akan balik tinggal bersama keluarga.

Pengajian Tahfiz

Tempoh menghafal keseluruhan Al-Quran adalah bergantung kepada usaha dan kemampuan pelajar tersebut.

Tertib pengajian ialah menghafal pelajaran baru sekurang-kurangnya satu muka surat (sabaq). Waktu terbaik bagi menghafal ialah selepas maghrib, sebelum subuh dan selepas subuh.

Tertib kedua ialah mengulang pelajaran yang telah dihafal dalam masa 10 hari sebelumnya (para sabaq). Waktunya ialah dari jam 8.30 hingga 10.30 pagi.

Hafalan lama diulang sehari satu juzuk hingga tiga juzuk (manzil). Waktunya ialah pada petang setiap hari.

Semasa di kelas hafiz, pelajaran sampingan juga diajar supaya menjadi panduan sehari-hari kepada

pelajar. Pelajaran itu ialah Tajwid, Adab dan Akhlaq, Tulisan Jawi dan Fardhu Ain. Waktunya ialah 45 minit di setiap akhir pengajian tahfiz.

Setelah tamat menghafal 30 juzuk, pelajar akan melalui proses mengulang hafalan hingga benar-benar lancar. Proses ini memakan masa antara 6 bulan hingga 2 tahun.

Mereka akan mencapai ke tahap sekurang-kurangnya 25 kali khatam dengan 3 juz dari awal hingga akhir sebanyak 5 kali dan 10 juz dari awal hingga akhir sebanyak 5 kali.

Jika pelajar itu berkemampuan, ustaz akan meneruskan program hingga pelajar ini akan membaca 15 juz sebanyak 3 kali dan 30 juz sebanyak 2 kali. Jumlah keseluruhan ulangan ialah 30 kali khatam.

Peperiksaan terakhir dalam kelas hafiz dipanggil Imtihan Syahadah. Peperiksaan ini berjalan selama 3 hari (10 juzuk sehari) atau 2 hari (15 juzuk sehari) atau hanya sehari

(30 juzuk) bermula jam 5.00 pagi hingga sebelum maghrib. Kesalahan keseluruhan adalah tidak melebihi 10 kali salah.

Setelah tamat pengajian ini, mereka digalakkan meneruskan pengajian Uloom Dinniah sama ada di sini atau di mana sahaja. Mereka juga tidak dihalang dari mengambil peperiksaan SPM dan melanjutkan pengajian ke mana-mana institut pengajian tinggi.

Nasihat kepada mereka ialah "Jadilah apa sahaja untuk urusan duniamu dan tetaplah menjaga Al-Quran dan solat fardhu, nescaya hidupmu akan diberkati Allah jua."

Pengajian Ulum Diniyyah

Tempoh pengajian Ulum Diniyyah ialah selama 8 tahun iaitu selama 4 tahun "Sanawi" dan 4 tahun "Aliyah".

Jadual pembelajaran ialah tujuh hisah dalam sehari dan setiap hisah mengambil masa selama 45 minit. Ianya bermula dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi. Kemudian berhenti rehat dan solat Zohor.

Hisah bermula semula pada jam 2.30 petang hingga 4.45 petang. Pada waktu malam, ianya bermula selepas solat hingga jam 10.00 malam dan merupakan waktu untuk pelajar menelaah dan bermuzakarah di dalam dewan besar yang diawasi oleh seorang ustaz.

Silibus Pengajian Ulum Diniyyah di MQKB

Tahun 1

- Tajwid
- Zad ut Tholibin 20 Hadis
- Matan ul Ghayah
- Al Aqidah ul Islamiyah
- Al Ajrumiyah ul Wadhih 1 dan 2
- Matan ul Bina'
- Mu'jam ul Lughah
- At Thoriqat ul Asriyah
- Qasas
- Mu'allim ul Insya' 1
- Ta'lim ul Muta'allim

Tahun 2

- Terjemah Juzuk 'Amma
- Matan ul Arba'in
- Fath ul Qarib
- Umm ul Barahin
- Al Kawakib ul Wadhih 2 dan 3
- Al Kilani
- Mu'jam ul Lughah
- At Thoriqat ul Asriyah
- Ar Rashidah 1 dan 2
- Mu'allim ul Insya' 2 Aliff
- Ta'lim ul Muta'allim

Tahun 3

- Al Jalalain
- Fath ul Mu'in
- Mabadi Auliyah
- Kifayat ul 'Awam
- Qathr un Nada
- 'Ilm us Sighah
- Ar Rashidah 3
- Mu'allim ul Insya' 2 Ba
- Ta'lim ul Muta'allim

Tahun 4

- Al Jalalain
- Riadh us Shalihin
- Fath ul Mu'in
- Waraqat
- Ash Sharqawi
- Alfiyah
- Shaza al Uruf
- Mukhtarat
- Mu'allim ul Insya' 3
- Tashil
- Ta'lim ul Muta'allim

Tahun 5

- Al Jalalain
- Bulugh ul Maram
- Fath ul Mu'in
- Minhat ul Mughits
- Ad Durur ul Bahiyah
- An Nasafiyah
- I'dad Maqalah
- Hasan
- Mirqat
- Ta'lim ul Muta'allim
- Mahbath ad Datsirah

Tahun 6

- Al Jalalain
- Misykat 1
- Al Mahalli 1 dan 2
- Al Fauz ul Kabir
- Nukhbah ul Fikar
- Lataif
- I'dad Maqalah
- Al Balaghah
- Al Hilah fi 'Ilm il Falak
- Ta'lim ul Muta'allim
- Pehle Kitab

Tahun 7

- Al Baidhawi
- Misykat 2
- At Tarmizi 1
- Al Mahalli 3 dan 4
- Faidh ul Khabir
- Tadrib ur Rawi
- Lub ul Usul
- I'dad Maqalah
- Mukhtasar
- Ar Rahbiyah
- Ta'lim ul Muta'allim
- Dusre Kitab

Tahun 8

- Al Bukhari 1
- Al Bukhari 2
- Muslim 1
- Muslim 2
- At Tarmizi 2
- Abu Daud 1
- Abu Daud 2
- An Nasaie
- Ibnu Majah
- Shamail

Pelajaran berbentuk amali juga diterapkan disini seperti latihan berpidato, latihan debat, latihan khutbah, latihan berbicara bahasa arab dan praktikal dakwah di dalam masyarakat secara mingguan, bulanan dan tahunan.

90 peratus daripada asatizah yang mengajar di keduanya syukbah adalah lepasan MQKB sendiri. Sebahagian daripada mereka pernah melanjutkan pengajian ke India, Pakistan, Indonesia dan lain-lain negara.

Cuti Tahunan

Madrasah akan bercuti mengikut mesyuarat yang ditetapkan oleh pihak Mudir bersama Syura Madrasah dari masa ke semasa. Kebiasaannya cuti tahunan madrasah adalah 50 hari bermula 15 Sya'ban hingga 10 Syawal, 10 hari pada Hari Raya Haji dan 7 hari pada pertengahan tahun pengajian pada setiap tahun.

Pelajar juga dibenarkan bercuti setelah tamat menghafal 30 juzuk selam 10 hari. Cuti kerana urusan kecemasan juga dibenarkan seperti kematian keluarga terdekat, kenduri kahwin keluarga terdekat, menghadapi penyakit yang merebak atau sakit yang berat yang memerlukan perhatian penuh dari ahli keluarga. Cuti juga diluluskan kerana urusan penting seperti temujanji dengan doktor peribadi, mengerjakan haji dan umrah dan sebagainya.

Sumber Kewangan

Alhamdulillah selama 34 tahun madrasah ini berjalan, pihak pentadbir banyak bergantung dengan pertolongan Allah. Madrasah mendapat kewangan daripada lima sumber iaitu yuran, sumbangan zakat, sumbangan biasa, sedekah dan wakaf.

- Yuran pengajian = percuma
- Yuran bulanan asrama dan makan = RM90
- Yuran tahunan = RM60
- Wang cagaran = RM50 (pelajar Semenanjung) dan RM350 (pelajar Sabah dan Sarawak)

Wang cagaran adalah selama tempoh menetap dan dikembalikan setelah tamat pengajian.

Wang sumbangan zakat yang diberikan sepenuhnya kepada madrasah akan digunakan untuk tujuan imbuhan dan membantu pelajar yang miskin dan anak yatim piatu. Sementara itu wang zakat yang diberikan dengan tujuan mendapat kelepasan cukai pendapatan, pihak madrasah akan mendapat dua bahagian dari wang zakat itu dari pejabat agama.

Sumbangan biasa adalah sumber kewangan yang terbaik dan terbanyak yang diperolehi daripada para dermawan seluruh Malaysia. Wang sumbangan ini disalurkan melalui akaun bank madrasah atau melalui mereka yang dilantik oleh

madrasah atau secara serahan terus ke pajabat madrasah. Wang ini akan digunakan sebagai imbuhan kepada ustaz dan kakitangan serta untuk pembangunan.

Wang sedekah pula akan diagihkan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk menjelaskan yuran dan sebagai wang poket mereka.

Wang daripada wakaf diperolehi apabila si mati mewasiatkan hartanya kepada madrasah. Kebiasaannya wang ini digunakan sebagai wang pembangunan untuk manfaat berkekalan sebagai amal jariah si mati.

Pencapaian

Alhamdulillah sehingga kini seramai 850 orang pelajar yang telah tamat pengajian menghafal Al-Quran 30 juzuk daripada madrasah ini. Seramai 350 orang telah berjaya hingga ke peringkat akhir dengan menduduki Imtihan Syahadah manakala seramai 125 orang pula telah tamat pengajian Uloom Dinniah sebagai Alim dan Al-Hafiz.

Sesiapa sahaja pelajar yang telah tamat atau tidak tamat pengajiannya, pihak madrasah menganggap pelajar itu telah berjaya sekiranya dia dapat meneruskan kehidupan beragama menurut sunnah Rasulullah S.A.W, berbudi pekerti dengan akhlak yang mulia.

IMAM BUKHARI

Beliau diciptakan untuk Hadis



1. Kelahirannya...

Imam Bukhari dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Syawal 194 H di Bukhara, Uzbekistan. Nama sebenarnya ialah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bazdazabah al-Ja'fi al-Bukhari. Beliau ialah penyusun kitab hadis Sahih Bukhari yang terkenal.

2. Buta di waktu kecil...

Ketika masih kecil, ayahnya iaitu Ismail sudah meninggal dunia dan beliau dibesarkan oleh ibunya, seorang wanita yang solehah. Ketika kecil kedua mata Imam Bukhari buta. Suatu ketika ibunya bermimpi melihat Nabi Ibrahim berkata kepadanya, "Wahai ibu, sesungguhnya Allah telah memulihkan penglihatan anakmu karena banyaknya doa yang kamu panjatkan kepada-Nya." Pagi harinya dia dapat penglihatan anaknya telah sembuh.

3. Bersih...

Beliau tidak pernah makan atau diberi makanan yang syubhah, apatah lagi haram. Bapa beliau pernah berkata sebelum menghembus nafasnya yang terakhir: "Aku tidak tahu adanya syubhah pada hartaku walau satu dirham."

4. Kekuatan daya ingatan...

Beliau telah dikurniakan oleh Allah dengan otak yang sangat cerdas dan daya ingatan yang kuat untuk merakam setiap pelajaran yang diperolehnya. Beliau mengingati hadis yang diajarkan oleh gurunya hanya dengan mendengar sedangkan pelajar-pelajar yang lain sibuk mencatat. Beliau pernah berkata, "Aku dapat menghafal sebanyak 100,000 hadis sahih dan 200,000 hadis yang tidak sahih."

5. Diuji rakan...

Semasa umurnya masih kecil beliau selalu mengikuti rakannya mempelajari hadis di Basrah namun tidak mencatatnya. Selepas beberapa hari rakan-rakannya mengujinya

dengan mengeluarkan kesemua catatan mereka. Imam Bukhari bukan sahaja membetulkan kesilapan yang berlaku pada catatan mereka itu bahkan menambah lagi 15,000 hadis yang tertinggal.

6. Sambutan ulama Baghdad...

Semasa beliau datang ke Baghdad ulama di sana menyambutnya dengan ujian kekuatan hafalannya. 100 hadis dibahagikan kepada 10 orang dan sengaja diubah-ubah matannya dan diubah-ubah sanad rawinya. Setiap orang membacakan 10 hadis kepada Imam Bukhari. Imam Bukhari lalu mengulangi kesemua 100 hadis yang sengaja diubah-ubah kepadanya itu dan kemudiannya membetulkan kembali kesemuanya menjadi matan dan sanad rawi yang betul.

7. Teramat ramai gurunya...

Beliau mengembara untuk bertemu dengan seluruh syeikh-syeikh hadis yang berada di seluruh negara yang mungkin untuk beliau sampai ke sana. Beliau menulis hadis daripada lebih 1000 orang guru.



8. Teliti dalam mempelajari Hadis...

Demi suatu hadis, beliau telah berjalan 200 batu untuk berjumpa dengan seseorang tetapi membatalkan niatnya setelah dia merasakan orang tadi menipu kudanya apabila orang itu memanggil kudanya menggunakan helah satu bekas rumput yang kosong.

9. Kitab Sahih Bukhari...

Beliau mengambil masa 16 tahun untuk menyusun kitab al-Jami' us-Sahih atau dikenali dengan nama kitab Sahih Bukhari di mana beliau telah memilih hadis yang sahih daripada 600,000 hadis.

10. Tawajjuh pada Allah...

Beliau terlebih dahulu solat istikhara dua rakaat dan memohon kepada Allah. Sesudah itu apabila beliau yakin bahawa sesuatu hadis itu benar-benar sahih barulah dimasukkan ke dalam kitab al-Jami' us-Sahih yang disusun ketika di Masjidil Haram.

11. Beradab dengan Ilmu...

Gabenor Bukhara pernah memerintahkan Imam Bukhari untuk datang ke istana untuk memperdengarkan hadis dari kitabnya. Imam Bukhari menolak permintaan itu dan meminta

Gabenor sendiri datang kepadanya kerana itulah adab dan ketinggian darjah ilmu. Gabenor menjadi marah lalu menghalau Imam Bukhari keluar dari Bukhara.

12. Halus perasaannya...

Berperibadi lemah lembut, baik sifatnya dan amat halus perasaannya. Satu peristiwa, seorang dari hambanya telah terlalunggar bekas dakwat di hadapannya namun memberikan alasan tiada jalan lain untuk dilalui. Imam Bukhari bukan sahaja tidak marah kepada hamba itu bahkan telah membebaskannya.

13. Khusyu' dalam solat...

Beliau dikurniakan oleh Allah dengan khusyu' di dalam solat. Satu peristiwa, sesudah menunaikan solat sunat selepas zohor beliau meminta rakannya memeriksa jubahnya kerana terasa sakit. Mereka melihat 16-17 bekas sengatan lebah pada tubuhnya. Bila ditanya mengapa tidak hentikan solat beliau menjawab bahawa beliau sedang membaca satu surah dan ingin menghabiskannya.

14. Mutolaah di malam hari...

Beliau sering bangun malam sebanyak 15 hingga 20 kali dan menyalakan pelita untuk menulis faedah-faedah ilmu yang terlintas dalam fikirannya di samping mengulangkaji apa yang beliau catat.

15. Alim pelbagai bidang...

Karya Imam Bukhari yang lain yang terkenal adalah kita At-Tarikh iaitu kitab tentang hal ewhal para sahabat dan tabi'in serta ucapan-ucapan serta pendapat-pendapat mereka. Dalam bidang Akhlak beliau menyusun kitab al-Adab ul-Mufrad. Dan dalam bidang Akidah beliau menyusun kitab Khalqu Af'aal ul-Ibaad.

16. Menemui Tuhan...

Beliau meninggal dunia pada malam Hari Raya Aidil Fitri tahun 256 H / 870 M ketika umur beliau 62 tahun. Ketika jasad beliau dimasukkan ke dalam liang lahad, bau yang amat harum semerbak kasturi muncul dan berkekalan selama beberapa hari.

Rujukan : Hadyu us-Sari, al-Bidayah Wa al-Nihayah, Siyar A'laam An-Nubala'



Sambutan

Maulidur Rasul

Jangan hanya melihat Tajuk

Telah menjadi kebiasaan dalam kalangan salafussoleh sejak berkurun lama mengadakan sambutan Maulidur Rasul. Mereka menghidupkan amalan Maulidur Rasul dengan pelbagai ibadah kepada Allah ﷺ seperti membaca Al-Quran, membaca hadis, berzikir, memberi nasihat serta ceramah, memberi makan kepada fakir miskin dan orang ramai, membaca sirah dan melantunkan puisi serta pujian terhadap Rasulullah ﷺ.

Sambutan ini diteruskan oleh para ulama dan umat Islam secara umumnya sehingga ke hari ini. Kebiasaan sambutan Maulidur Rasul dibuat secara perhimpunan sama ada perhimpunan kecil atau besar-besaran. Tidak kurang juga yang membuat sambutan Maulidur Rasul skala kecil iaitu di dalam rumah atau keluarga sendiri ataupun secara peribadi.

Sambutan Maulidur Rasul ini sebenarnya adalah satu himpunan amalan-amalan kebaikan yang dibuat beramai-ramai. Terkandung di dalamnya dua kebaikan utama iaitu Sy'ar dan Syukur.

Namun sekiranya kita hanya melihat pada "tajuk" Maulidur Rasul itu sahaja mungkin akan terlintas di fikiran kita bahawa "Maulidur Rasul" tidak wujud dan tidak disuruh. Samalah keadaannya dengan tajuk-tajuk sambutan lain seperti "Israk Mikraj, Maal Hijrah, Nuzul Quran" dan sebagainya.

Namun jika dilihat pada isi kandungan Maulidur Rasul itu sendiri maka tidak ada sesiapa pun yang berani mengatakan bahawa membaca Al-Quran, membaca hadis, berzikir, memberi nasihat serta ceramah, memberi makan kepada fakir miskin dan orang ramai, membaca sirah dan melantunkan puisi serta pujian terhadap Rasulullah ﷺ itu adalah amalan yang tidak disuruh.

Apatah lagi jika sambutan ini telah diamalkan hampir seribu tahun manakala ribuan para ulama mengamalkannya termasuklah mengarang pelbagai kitab untuk mensabitkan amalan Maulidur Rasul ini.

Tajuk : Maulidur Rasul

Isi Kandungan :

- Membaca Al-Quran dan hadis
- Berzikir dan berselawat
- Memberi nasihat serta ceramah
- Bersedekah dan memberi makan kepada fakir miskin dan orang ramai
- Membaca sirah Rasulullah ﷺ
- Melantunkan puisi serta pujian terhadap Rasulullah ﷺ

Kaedah : Biasanya secara berjemaah atau persendirian


Maksud : Menunjukkan rasa kesyukuran atas kelahiran Nabi ﷺ dengan cara memperbanyakkan ibadat dan mencontohi kehidupan baginda ﷺ.

Kisah Rasulullah ﷺ membuat Aqiqah kali kedua

Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ di dalam kitabnya *Husn al-Maqṣad fi Amal al-Mawlid* memberikan penjelasan tentang Maulidur Rasul bahawa sambutan ini termasuk di dalam perkara kebaikan dan diberikan pahala bagi orang yang melakukannya. Kerana dalam sambutan itu terkandung makna mengagungkan Nabi ﷺ serta menunjukkan kegembiraan terhadap kelahiran baginda ﷺ.

Selain itu Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ sendiri mengeluarkan asal sambutan Maulidur Rasul itu daripada perbuatan Rasulullah ﷺ yang melakukan aqiqah untuk diri baginda sendiri setelah menjadi nabi. Sedangkan datuk baginda Abdul Mutallib telah pun melakukan aqiqah untuk baginda pada hari ketujuh kelahiran baginda ﷺ. (Hadis Riwayat Thabarani, Majma' az-Zawaid).

Meskipun hukum aqiqah itu tidak boleh diulang dua kali, apa yang dilakukan oleh baginda ﷺ adalah sebagai bentuk syukur kerana Allah ﷺ telah menciptakan baginda sebagai rahmat untuk seluruh alam, di samping tujuan untuk mengajar umatnya sebagaimana baginda membaca selawat kepada diri baginda sendiri untuk mengajar umatnya cara berselawat.



Kisah dari pensyariatan puasa Asyura

Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ menuliskan penjelasan daripada Imam Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani ﷺ yang mengeluarkan asal sambutan Maulidur Rasul itu daripada pensyariatan puasa Asyura.

Puasa Asyura disyariatkan atas rasa syukur kerana Allah ﷺ telah menyelamatkan Nabi Musa dan menenggelamkan Firaun. (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan pensyariatan puasa Asyura ini dapatlah diambil faedah bahawa dibolehkan untuk bersyukur kepada Allah ﷺ atas sesuatu perkara yang baik seperti menerima kenikmatan atau keselamatan dari bahaya. Tambahan pula kesyukuran tersebut boleh diulang berkali-kali pada hari yang sama setiap tahun.

Maka apakah lagi kebaikan yang terlebih besar berbanding dengan kelahiran Nabi ﷺ ke alam maya ini sebagai rahmat untuk seluruh alam. Bahkan kerana baginda lah terselamatnya seluruh umat daripada bahaya kejahilan tidak mengenal agama. Kelahiran Nabi ﷺ adalah kebaikan terbesar yang patut kita syukuri.

Adapun syukur kepada Allah ﷺ dapat dilakukan dengan pelbagai cara seperti sujud (sujud syukur), berpuasa, bersedekah, membaca Al-Quran dan lain-lain lagi.

Kerana itu sambutan Maulidur Rasul dibuat secara berjemaah untuk menunjukkan syiar dalam kesatuan umat Islam di samping memberi galakkan kepada umat Islam untuk menambahkan syukur atas kelahiran Nabi ﷺ dengan cara mengamalkan ajaran Nabi ﷺ.

Isyarat keagungan bulan Rabi'ul Awwal

Bulan Rabi'ul Awwal tidak termasuk di dalam bulan-bulan utama atau dikenali sebagai bulan-bulan Haram. Namun keagungan bulan Rabi'ul Awwal bukanlah wujud kerana bulan itu sendiri bahkan ianya dikaitkan dengan kelahiran Nabi ﷺ berdasarkan hadis berikut.

Daripada Abu Qatadah bahawa Rasulullah ﷺ ditanya mengenai puasa pada hari Isnin. Baginda ﷺ pun bersabda, "Hari Isnin adalah hari kelahiranku, hari aku dilantik menjadi Rasul dan juga Allah ﷺ menurunkan Al-Quran kepadaku". (Hadith Riwayat Muslim).

Maka pengagungan pada hari Isnin juga mengandungi pengagungan terhadap bulan Rabi'ul Awal kerana Rasulullah ﷺ lahir pada bulan tersebut.

Jika Rasulullah ﷺ sendiri melakukan ibadah puasa kerana itu adalah hari kelahiran baginda, maka mengapa tidak kita memperbanyakkan ibadah pada hari atau bulan kelahiran baginda ﷺ semata-mata kerana bersyukur atas kelahiran baginda.

Tafsiran "Hari-hari Allah" dalam Surah Ibrahim Ayat 5

Dalam menjelaskan maksud firman Allah ﷺ "dan ingatkanlah mereka dengan Hari-hari Allah" (Surah Ibrahim, Ayat 5), Rasulullah ﷺ bersabda bahawa yang dimaksudkan dengan hari-hari Allah ialah nikmat-nikmat Allah ﷺ. (Hadith Riwayat Ahmad).

Sedangkan kelahiran Nabi ﷺ adalah nikmat yang paling besar. Sayugialah nikmat ini diperingatkan berulang-ulang kali dengan memperbanyakkan amalan kebaikan dan kebajikan.

Kisah siksaan Abu Lahab diringankan

Imam Jalaluddin As-Suyuthi رحمه الله menukilkhan bahawa Imam Al-Hafidz Syamsuddin Ibnu Al-Jazari berkata dalam kitabnya 'Urf At-Ta'rif bi al-Maulid asy-Syarif bahawa jelas disebutkan dalam hadis sahih bahawa Abu Lahab mendapatkan keringanan dari siksa neraka pada setiap malam Isnin kerana memerdekaan Tsuwaibah setelah mendengarkan berita gembira kelahiran Nabi ﷺ yang disampaikan oleh Tsuwaibah. (Hadis Riwayat Bukhari).

Jika Abu Lahab yang kafir dan dicela dengan nyata di dalam Al-Quran mendapatkan keringanan di dalam neraka kerana kesukaan dan kegembiraannya pada malam kelahiran Nabi ﷺ maka bagaimana pula dengan seorang muslim dan bertauhid dari umat Nabi ﷺ yang bergembira dengan kelahiran baginda dan berusaha sekutu tenaga untuk mencintai baginda? Sungguh balasannya dari Allah ﷺ adalah Dia memasukkannya ke dalam syurga yang penuh dengan kurniaanNya.

Amalan menceritakan kisah Rasulullah ﷺ

Syeikh Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki رحمه الله di dalam kitabnya Zikriyat wa Munasabat menerangkan,

Firman Allah ﷺ "dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya." (Surah Hud, Ayat 120).

Ayat ini adalah dalil menceritakan kisah Nabi ﷺ di dalam sambutan Maulidur Rasul. Jika Rasulullah ﷺ diteguhkan hatinya dengan kisah para nabi sebelumnya, maka umat Nabi ﷺ lebih memerlukan kisah Nabi ﷺ untuk keteguhan hati mereka.



Persoalan : Tidak tahu asas sambutan Maulidur Rasul ini di dalam Al Qur'an dan Sunnah.

Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ menyatakan bantahannya apabila ada yang mengatakan bahawa mereka tidak tahu asas sambutan Maulidur Rasul ini di dalam Al Qur'an dan Sunnah. Menurut beliau ketidaktahuan bukanlah bererti meniadakan sama sekali tentang Maulidur Rasul.

Lalu beliau mengemukakan beberapa dalil daripada banyak ulama yang mensabitkan amalan sambutan Maulidur Rasul seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan sebelum ini.

Persoalan : Maulidur Rasul bukan Sunnah.

Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ menyatakan bahawa anjuran dalam meletakkan hukum sunnah terkadang dilakukan berdasarkan kepada nas Al-Quran dan Hadis. Namun adakalanya berdasarkan kepada Qiyas.

Dalam amalan sambutan Maulidur Rasul, meskipun tidak ada nas tetapi ada padanya Qiyas daripada beberapa sumber seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan sebelum ini.

Persoalan : Maulidur Rasul adalah Bid'ah.

Sambutan Maulidur Rasul adalah Bid'ah Hasanah (Bid'ah yang baik) kerana ianya adalah sesuatu yang baharu dan tidak dibincangkan oleh mereka di dalam 3 kurun terbaik. Namun sambutan Maulidur Rasul ini adalah sesuatu yang tidak bertentangan dengan Al-Quran, Hadis, atsar dan ijma'. Maka sambutan Maulidur Rasul ini tidak tercela.

Kerana itu Imam Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani ﷺ menjelaskan bahawa sambutan Maulidur Rasul adalah Bid'ah Hasanah (Bid'ah yang baik). Seiring dengan penjelasan tersebut, Abu Syamah ﷺ, guru kepada Imam an-Nawawi ﷺ mengatakan bahawa "Di antara bid'ah yang paling baik pada masa kami saat ini adalah sambutan Maulidur Rasul."

Perkara ini sama hal keadaannya dengan apa yang dikatakan oleh Sayyidina Umar Al-Khattab ﷺ tentang solat Tarawih iaitu, "Inilah sebaik-baik Bid'ah". Maka jika kita menolak sambutan Maulidur Rasul kerana ianya bid'ah, seolah-olah kita mengatakan bahawa Sayyidina Umar Al-Khattab ﷺ bersetuju dengan sesuatu amalan yang ditolak oleh agama.

Persoalan : Tasyabbuh agama Nasrani meraikan kelahiran Tuhan mereka.

Ada yang mengatakan sambutan ini menyerupai (tasyabbuh) agama Nasrani meraikan kelahiran Tuhan mereka.

Berbalik kepada pensyariatan puasa Asyura. Asyura adalah hari yang diagungkan oleh agama Yahudi. Mereka berpuasa pada hari itu. Demikian juga sebahagian musyrikin Mekah juga berpuasa pada hari itu.

Jika sambutan Maulidur Rasul ditolak kerana menyerupai agama Nasrani maka mengapa pula puasa Asyura tidak diharamkan kerana ia menyerupai dengan dua agama sekaligus.

Persoalan : Ada perkara haram di dalam sambutan Maulidur Rasul

Ada yang mengatakan bahawa terdapat perkara haram di dalamnya seperti nyanyian, tarian serta percampuran lelaki dan wanita yang haram. Namun perlu diketahui bahawa tidak ada mana-mana ulama yang menganjurkan sambutan Maulidur Rasul menyuruh perkara haram dilakukan. Jika ada nyanyian yang haram, tarian yang haram serta percampuran lelaki dan wanita maka perkara tersebut perlu ditegah dan dihentikan.

Kerana kemungkinan besar perkara tersebut berlaku secara tidak sengaja tanpa disedari atau kerana kejahilan para peserta itu sendiri. Namun tidak patut untuk kita mengharamkannya hanya semata-mata kerana ada perkara haram tersebut. Yang tercela ialah perkara-perkara yang haram tersebut dan bukanlah sambutan Maulidur Rasul itu sendiri.

Sama hal keadaannya dengan solat Jumaat. Jika sekiranya dengan perlaksanaan solat Jumaat itu wujudnya perkara yang haram seperti berjual beli setelah azan kedua, hiruk pikuk pasar dan percampuran lelaki dan wanita di bazar, maka adakah solat Jumaat itu perlu diharamkan? Yang tercela ialah perkara-perkara yang haram tersebut dan bukanlah solat Jumaat itu sendiri.

Persoalan : Bulan Rabi'ul Awwal juga bulan kewafatan Rasulullah ﷺ.

Agama mengajar kita untuk menzahirkan kegembiraan atas sesuatu kebaikan dan menyembunyikan musibah dan kesedihan. Kerana ini Aqiqah disyariatkan untuk menzahirkan kegembiraan atas kelahiran anak. Manakala agama tidak menyuruh menyembelih kambing apabila berlaku kematian bahkan melarang amalan meratap kematian.

Sambutan Maulidur Rasul dibuat atas dasar kesyukuran dan kegembiraan atas kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad ﷺ dan di dalamnya diisi dengan pelbagai amal ibadah yang tidak sama sekali bertentangan dengan Al-Quran dan Hadis. Bahkan asbab amalan ini ramai umat Islam terdorong untuk menambahkan kebaikan pada bulan yang mulia ini.

(Kebanyakan isi kandungan penulisan ini diambil daripada kitab Husn al-Maqṣad fi Amal al-Mawlid oleh Imam Jalaluddin As-Suyuthi ﷺ)



Soalan Jawapan

Onani tanpa Mandi Wajib selama 4 tahun

Seseorang telah baligh secara paksa dengan onani ketika berusia 11 tahun dan jahil tentang mandi wajib. Dia mula mandi wajib ketika berusia 15 tahun. Bermakna 4 tahun dalam keadaan junub.

Adakah dia perlu qadha solat untuk 4 tahun tersebut? Semasa dalam tempoh qadha solat bolehkah dia tunaikan solat sunat yang lain dan amalan sunat lain seperti membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya? Bagaimana pula dengan puasanya?

Apabila telah keluar air mani walaupun dengan cara paksa maka dia dikira baligh dan sudah mula wajib solat. Oleh kerana dia tidak mandi wajib maka semua solat yang dilakukan dalam tempoh tersebut tidak sah dan wajib diqadhakan.

Solat wajib diqadha dan zahirnya tidak wajib disegerakan kerana solat itu menjadi tidak sah atas faktor kejahilan. Melihat kepada usianya ketika itu kejahilan perihal junub dimaafkan walaupun sebenarnya pengetahuan junub itu adalah perkara asas.

Apabila tidak wajib disegerakan maka dia boleh melakukan bersamanya amalan sunat lain seperti solat sunat, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya.

Namun adalah lebih baik jika dia menggunakan masa ketika dia rajin untuk solat sunat itu untuk melakukan solat qadha supaya tanggungjawabnya selesai dengan kadar segera.

Puasa yang telah dilakukan sah kerana puasa masih sah dilakukan walaupun dalam keadaan berjunub.

Dijawab oleh Al Fadhil Ustaz Ahmad Lutfi Muharam.

PENGAJIAN BERSIRI BULANAN BENGKEL FIQH MUAMALAT

Oleh : Ustaz Manan Lubis Bin Kasri
Maahad al-Musthofa, Batang Kali, Selangor

PENGANTAR FIQH MUAMALAT

RIBA

GHARAR & TRANSAKSI ONLINE

MAYSIR & PELABURAN

PERBANKAN

INSURANS & TAKAFUL

MULTI LEVEL MARKETING (MLM)

PERADUAN

PELBAGAI ISU MUAMALAT

CRYPTOCURRENCY

*Jangan
lepaskan
peluang
ini!*



DARUL ULUM
MALAYSIA

Bertempat di Teratak Ilmu, Seri Petaling.
Tarikh akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Kerjasama antara Darul Ulum Malaysia
dan Maahad al-Musthofa, Batang Kali.

WWW.DARULULUM.MY

* Semua pengajian di Teratak Ilmu ditangguhkan dalam tempoh PKPB



Maahad al-Musthofa
Batang Kali, Selangor

بَيْنَ الْبَطَالَةِ وَالْبُطْوَلَةِ

الأستاذ عبد الفتاح بن عبد الله @ عباس | مدرسة القرآن كوباع بوجوك

المقدمة والخاتمة الغرواون مهمتان جداً في كل عمل لعلها يكون عبنا ، من أجل ذلك كان للصلة افتتاح بالتكبير واختتام بالتسليم وللحج إحرام وتحلل وللمرحلة التعليمية التحاق وتخرج .. ولذا شرع الأذان حين الولادة وتلقين لا إله إلا الله عند الاحتضار..

نسأل الله للمجلة التي بين أيدينا حسن الوفادة ولسان صدق في الآخرين وجودة الاستهلال وبراعة الاختتام.

التفقه واجب تلميزي ويكون في مرحلة الأخذ كما أن الإنذار واجب أستادي ويأتي في مرحلة العطاء. ذلك ما كان يعيشه الله جل وعلا من أهل العلم وعامري المعاهد والمدارس ، صرح بذلك في قوله : "فَلُولا نَفْرٌ مِّنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لَّيَتَفَقَّهُوْ فِي الدِّينِ وَلَيَنْدِرُوْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لِعَلَّهُمْ يَحْذَرُوْنَ".

المقدمة الصالحة وهي التأدب في الطلب والانصراف الناتم للعلم حتماً تنتهي النهاية الصالحة - وهي النجابة الأستاذية والعلم الرباني - تبعاً لقانون التفاعل والتجاذب الذي فطر الله عليه الكون - فمن زرع حصد ومن غرس الشوك لا يجني الزهر و "لَعْنَ شَكْرَتِمْ لَأَزِيدَنَكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنْ عَذَابِي لَشَدِيدٌ".

فالطالب المجتهد سيكون في النهاية أستاداً مجتهداً ، يقبل أي كتاب فوض إليه تدريسه ويملك الشجاعة العلمية والأدبية لأنـه كامل الاستعداد مكتمل الآلات ، وتنقل عن طريقه إلى طلابه محبة العلم وشوق المعرفة والاقدام على التحقيقات النافعة.

على هذا الأساس فإنـا يهمـنا قلق أربـاب المدارس إزاء المرض الذى ابتلى به أبناؤـنا الطلبة في المدارس الدينية - على وجه العموم - من البطالة والانطواء على النفس ، والقناعة بقليل العلم والتحصـيل ، والاقـيـات على هامـش مائـدة الـعلم ، لأنـ عـاقـبـتها وخـيـمة. خـاصـة إذا استـبـعـتـ البـطـالـةـ في الصـغـرـ البـطـالـةـ فيـ الكـبـارـ. لأنـ البـطـالـةـ فيـ الكـبـارـ تـتـعـدـىـ ، بـعـنىـ أـنـهاـ مـرـضـ مـعـدـ يـنـقـلـ وـبـاءـ الـكـسـلـ مـنـ الـكـبـارـ إـلـىـ الصـغـارـ وـمـنـ الـآـبـاءـ إـلـىـ الـأـبـنـاءـ وـمـنـ الـأـسـاتـذـةـ إـلـىـ التـلـاـمـيـذـ (ـكـمـاـ أـنـ بـطـوـلـةـ الـكـبـارـ تـتـعـدـىـ..ـ)

اتركـ حـدـيـثـ المـرـضـ ..ـ فـإـنـهـ قـالـواـ إـنـهـ لـاـ يـجـدـىـ نـفـعاـ ،ـ وـتـابـعـ بـنـاـ حـدـيـثـ العـلاـجـ :

إـنـهـ لـاـ أـنـفـعـ وـلـاـ أـجـدـىـ فـيـ عـلـاجـ هـذـاـ التـقـهـقـرـ الثـقـافـ وـالـتـعـلـيمـيـ وـسـدـ ذـرـائـعـ اـخـلـالـ أـهـلـ الـحـقـ -ـ بـيـطـالـتـهـمـ ،ـ حـيـثـ يـغـلـبـهـمـ أـهـلـ الـبـاطـلـ بـيـطـوـلـتـهـمـ -ـ مـنـ تـرـسـيـخـ الـيـقـيـنـ بـأـنـ اللـهـ لـاـ يـخـلـفـ وـعـدـهـ وـأـنـ ذـلـكـ الـكـتـابـ (ـالـقـرـآنـ)ـ لـاـ رـيبـ فـيـهـ وـأـنـ لـاـ يـأـتـيـهـ الـبـاطـلـ مـنـ بـيـنـ يـدـيـهـ وـلـاـ مـنـ خـلـفـهـ ،ـ تـنـزـيلـ مـنـ حـكـيـمـ حـمـيدـ ؛ـ ذـلـكـ لـأـنـ الـلـامـبـالـاـةـ فـيـ حـقـ الـعـلـمـ مـنـ تـأـثـيرـ الـفـلـسـفـةـ الـمـادـيـةـ الـغـرـيـبـةـ الـتـيـ تـعـقـدـ أـنـ الـتـعـلـيمـ تـجـارـةـ وـأـنـ تـحـصـيلـ الـعـلـمـ بـابـ إـلـىـ كـسـبـ الـمـاعـشـ وـأـنـ الـطـلـابـ زـيـانـ (ـعـلـىـ خـلـافـ فـلـسـفـةـ الـتـعـلـيمـ الـنـبـوـيـةـ أـنـ عـبـادـةـ وـوـسـيـلـةـ تـقـرـبـ إـلـىـ اللـهـ وـأـنـ الـطـلـابـ وـصـيـةـ رـسـوـلـ اللـهـ صـلـىـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ)..ـ لـمـ رـأـىـ هـؤـلـاءـ أـنـ الـمـهـجـ الـدـرـاسـيـ فـيـ الـمـارـسـ الـدـيـنـيـ لـاـ يـفـيـ بـالـمـتـطلـبـاتـ الـاـقـصـادـيـةـ وـالـحـاجـاتـ الـمـالـيـةـ تـقـاعـسـوـاـ عـنـ التـحـصـيلـ الـعـلـمـيـ الـجـادـ وـأـثـرـواـ الـكـسـلـ وـالـرـاحـةـ وـأـصـبـحـوـاـ لـاـ يـعـطـونـ الـعـلـمـ كـلـهـ -ـ مـعـ أـنـ الـعـلـمـ لـاـ يـعـطـيـكـ بـعـضـهـ حـتـىـ تـعـطـيـهـ كـلـكـ!



ومن هذا المنطلق جاء الوحي الأول : اقرأ باسم ربك الذي خلق.. - باستخدام باء المصاحبة - يعني أن القراءة والاشتغال بالعلم واليقين على الله ووعده توأمان يصطحبان.. أى يفترقان؟ (وكلمة "اسم" في الآية رمز للذات والصفات الإلهية كما عرف ذلك في كتب التفاسير). فمقصود الآية : اقرأ وتعلم مستعيناً بذات الله وصفاته العلى ، الذى لا ينفد ما عنده ويبيقى ، مبسوطتان يداه ، الغنى الحميد.

أليس يكفى أن ربانية أهل العلم تكسب لهم العبودية لله وتكتسب هي الكفاية من الله؟ ألم يقل الله : "ما كان ليشر أن يؤتى به الكتاب والحكم والنبوة ثم يقول للناس كونوا عباداً لي من دون الله ولكن كونوا ربانيين بما كنتم تعلمون الكتاب وبما كنتم تدرسون." ألم يقل : "أليس الله بكاف عبد.."

إنه يناسب المقام أن نخلي القارئ الكريم على مقتطفات من كتاب الحكم لابن عطاء الله السكندري - الكتاب المعروف المقبول المتداول بين الطلبة والأساتذة قديماً وحديثاً :

قال ناصحاً للطلاب وأهل العلم : إرادتك الأسباب مع إقامة الله إياك في التجريد (قضاء الحاجة بدون الأسباب) انحطاط عن الهمة العالية . أرج نفسك من التدبر فيما قام به غيرك (وهو الله) عنك لا تقم به لنفسك ، لأن اجتهادك في ما ضمن لك وتقصيرك في ما يطلب منك دليل على انطماس البصيرة منك.

وأحياناً تأخر العطاء الإلهي ويتسرب في انقطاع الرجاء فاستطرد قائلاً :

لا يكن تأخر أمد العطاء مع الإلحاح في الدعاء موجباً لتأييسك فهو ضمن لك الإجابة في ما يختاره لك لا في ما تختاره لنفسك ، في الوقت الذي يريد لا في الوقت الذي تريده ، فلا يشككك في الوعد عدم وقوع الموعد وإن تعين زمانه ، لئلا يكون ذلك قدحاً في بصيرتك وإخماماً لنور سريرتك.

وقفنا الله وجميع طلابنا وأساتذتنا للبداية المنتجة والنهاية المشمرة ، كشجرة طيبة أصلها ثابت وفرعها في السماء ، تؤتي أكلها كل حين بإذن ربها..

Answer to A Butcher of Deoband

Oleh : Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar
Madrasah Al-Hikmah

In the year 1857, a century before the independence of Malaysia, Kuala Lumpur was still a jungle. The tin mine in Ampang was just found by the Chinese while Sultan Abdul Samad of Selangor was establishing himself to the throne.

Selangor was yet to accept the British Resident but an uprising had already taken place in British India.

Indians of India, Muslims and Hindus alike, express their annoyance at the British occupation by a great mutiny.

There were many factors for the uprising, but for Muslims, they were utterly dejected by policies adopted by the sovereign; foreign policies that naturally left no authority for the Muslim Ruler of India, the Mughal King.

They systematically uprooted Islamic institutions initiated during the Islamic Mughal Empire and substituted them with missionary schools and other mediums of propaganda.

To clamp down the national uprising, the British ordered the hunting of suspects. Consequently, together with the Hindus, a good number of ulama' was massacred.

Amongst them whom the warrant of arrest was issued for was Maulana Muhammad Qasim of Nanotah ﷺ, a district of Uttar Pradesh on the northern part of India.

Having drunk from the spiritual cup of his beloved mentor, Haji Imdadullah ﷺ, his burning zeal for the dignity of Islam was intensified.

His love for Allah ﷺ and Rasul ﷺ increased and his inclination towards the life of hereafter knew no limit.

For Maulana Qasim Nanotwi ﷺ, the life of this mundane world would not bother him much. He would rather spend this fleeting life in the worship of Allah ﷺ , the Most High.

He used to pass his night standing before Him and complete fifteen juzu' of Quran in one rakaat. He led a life of austerity.

His simplicity was such that people could not recognize him as scholar as he never used to style himself as a maulana.

When his location was leaked to the British and the authorities were informed that he was in a certain masjid, an officer came right away and saw him who appeared like a farmer.

He asked him “Where is Qasim Nanotwi?”

Maulana moved a little and while pointing to the place he just left said, “He was here just a while ago.”

It never crossed the officer’s mind that this man could have been the great commander who was instrumental in defying the British.

Besides his simplicity, this anecdote also depicts his concern to speak the truth. Even in such critical event, he would make it a point that he did not contravene any order of his Beloved Allah ﷺ .

How can a lover displease his beloved?

His student, Maulana Ashraf Ali Thanwi رحمۃ اللہ علیہ said that his knowledge was such that if his books were to be translated into Arabic and his name was not written on the books, people would have think that they were the work of Imam Ghazali رحمۃ اللہ علیہ or Imam Razi رحمۃ اللہ علیہ .

Despite his academic ability, his simplicity was not restricted to his attire; his instructions were also very plain and easily understood.

A butcher of Deoband was quite informal with Maulana Nanotwi رحمۃ اللہ علیہ; he would ask a lot of questions. Maulana would reply according to his level of understanding.

He once asked “If everyone will be in his own grave and will be dealt with according to his own deeds, why is it a common belief among people that we should try and get buried near pious people?”

Maulana did not answer. It was a hot day and the butcher took hold of a hand fan and started waving the fan as it got hot.

Maulana asked him “Who are you fanning?”

He replied “You, of course!”

Maulana asked “Do these people sitting around us also feeling the cool air?”

He replied in the affirmative.

Maulana then said “Same is the condition of those being buried near pious people. When the cool breeze of Allah’s ﷺ mercy is showered upon the pious, those around them also derive benefit.”





Darul Ulum Malaysia

<http://darululum.my>

Infaq Darul Ulum Malaysia

.....

Nama Bank : BANK ISLAM

Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

No. Akaun : 14238010008853

Emel: dumalaysia@gmail.com

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.”
(Bukhari)